

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, November 10, 2018 12:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Jayakan Kempen Tanam Pokok Gaharu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

10 NOVEMBER 2018 / 02 RABIULAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

NAIB CANSELOR JAYAKAN KEMPEN TANAM POKOK GAHARU



UUM ONLINE: 9 November - Sempena Pesta Konvokesyen ke-31 UUM yang berlangsung mulai 8-15 November, Inapan Siswa (Inasis) Petronas melaksanakan kempen menanam anak pokok gaharu bagi memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan warga kampus.

Program yang dinamakan "Plant A Tree Campaign" ini dijalankan di sekitar Inasis Petronas dan disertai pelajar-pelajar dari semua Inasis untuk menanam kira-kira 1000 anak pokok gaharu.

Turut serta dalam menjayakan kempen ini adalah Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr Abdul Malek Abdul Karim; Pendaftar, Baharudin Yaacob, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin dan pengetua-pengetua Inasis.

Pokok gaharu adalah tumbuhan paling dicari di hutan hujan di negara ini kerana kulit dan damarnya mendapat permintaan tinggi dalam industri farmasi serta kosmetik.

Pokok ini penting bagi pengeluaran gaharu (minyak gaharu dan kayu gaharu) yang bernilai tinggi di mana kayu gaharu gred terbaik dapat dijual pada harga melebihi RM15,000 sekilogram manakala harga minyak gaharu boleh mencecah RM50,000 sekilogram.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.